

# Ekspo Kerjaya bantu graduan cari pekerjaan

Oleh Muhamad Najkhan Mazlan  
bhvarsiti@bharian.com.my

**L**EBIH 50 syarikat dan agensi kerajaan yang menawarkan kira-kira 300 pekerjaan menyertai Ekspo Kerjaya di Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya UPM, Dr Che An Abdul Ghani, berkata ekspo dua hari itu dimanfaatkan oleh hampir 4,000 graduan dan pelajar universiti berkenaan untuk mencari pekerjaan atau mendapat maklumat tertentu.

Katanya, ekspo itu turut mengadakan bengkel menulis resume kendalian Jabatan Tenaga Kerja dan sesi temu duga bersemuka yang membolehkan bakal graduan mengemukakan pertanyaan terus kepada syarikat sasaran.

"Graduan perlu menunjukkan keyakinan diri yang tinggi dan membina ciri-ciri positif.

"Majikan masa kini sangat mengambil kira kemahiran generik.

"Jadi, graduan perlu memiliki kemahiran insaniah, pengetahuan, kebolehan dan sikap positif bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja.

"Komunikasi yang baik termasuk penguasaan pelbagai bahasa memberikan kelebihan kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan," katanya.

Che An berkata, penganjuran ekspo kali kedua itu bertujuan me-

ingkatkan kebolehpasaran graduan UPM.

Katanya, ekspo itu juga mampu meluaskan jaringan industri dan UPM menerusi peningkatan penyertaan syarikat, agensi, organisasi dan alumni.

Pelajar tahun akhir Sarjana Pendidikan Sains Pertanian, Raihana Nazihah Mazlan, 24, berkata selain mendapatkan maklumat mengenai kerjaya, pameran itu turut memberikan peluang membuat pilihan syarikat terbaik.



PELAJAR mendapat penerangan daripada wakil syarikat dan agensi bersempena dengan Ekspo Kerjaya UPM.